

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

***SUMPAH ORANG MINYAK (1958) :  
SINEMATOGRAFI HITAM PUTIH DALAM  
KONTEKS GENRE SERAM***

**MUHAMMAD ASYRAF BIN MD ALI**

Latihan ilmiah ini dikemukakan untuk memenuhi  
sebahagian daripada syarat memperolehi ijazah  
**Sarjana Muda Teknologi Kreatif (Kepujian) Skrin**

**Fakulti Filem, Teater dan Animasi**

Mac 2016

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

***SUMPAH ORANG MINYAK (1958) :  
SINEMATOGRAFI HITAM PUTIH DALAM  
KONTEKS GENRE SERAM***

**MUHAMMAD ASYRAF BIN MD ALI**

Latihan ilmiah ini dikemukakan untuk memenuhi  
sebahagian daripada syarat memperolehi ijazah  
**Sarjana Muda Teknologi Kreatif (Kepujian) Skrin**

**Fakulti Filem, Teater dan Animasi**

Mac 2016

**FAKULTI FILEM, TEATER DAN ANIMASI  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
KAMPUS PUNCAK PERDANA  
SHAH ALAM, SELANGOR**

**SESI: MAC 2016 – JULAI 2016**

**DENGANINI MENGESAHKAN**

**MUHAMMAD ASYRAF BIN MD ALI**

**2013580903**

**TELAH MEMENUHI SEGALA SYARAT PENULISAN LATIHAN ILMIAH  
YANG TELAH DITETAPKAN OLEH JAWATAN KUASA AKADEMIK  
FAKULTI**

**TARIKH**

**PENYELIA**

**ENCIK MOHD IZWAN DAINI**

**DEKAN**

**DATO' PROFESOR A. RAZAK HJ. MOHAIDEEN**

## **PENGAKUAN**

Saya mengakui bahawa kajian ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali pendapat dan karya – karya pihak lain yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya. Kajian ilmiah ini juga belum pernah dihantar ke mana – mana insitusi akademik atau bukan akademik untuk sebarang ijazah atau kelulusan.

Nama Pelajar : Muhammad Asyraf Bin Md Ali  
No. Pelajar : 2013580903  
Program : Skrin  
Fakulti : Fakulti Filem, Teater dan Animasi  
Tajuk Kajian / Projek : Sumpah Orang Minyak (1958) : Sinematografi  
Hitam Putih Dalam Konteks Genre Seram  
  
Tandatangan Pelajar : .....  
  
Tarikh : Julai 2016

## **ABSTRAK**

Analisis dalam kajian ini adalah usaha mencari aspek sinematografi hitam putih di dalam filem Melayu. Definasi sinematografi ditinjau supaya penyampaian imej dari pengarah fotografi iaitu Abu Bakar Ali di dalam filem Sumpahan Orang Minyak (1958) arahan P. Ramlee. Konsep sinematografi sebagai satu medium penyampaian naratif penceritaan diberi perhatian yang wajar dan tinjauan aspek tersebut dapat dijadikan ukuran untuk menetapkan tahap keberkesanan aspek sinematografi di dalam pembikinan filem khususnya filem hitam putih. Filem ini dipilih kerana tiada kajian mengenai teknik sinematografi hitam putih sedangkan filem ini adalah filem Melayu hitam putih pertama memenangi anugerah sinematografi hitam putih terbaik (1958) di Festival Filem Asia Pasifik ke-5 di Manila. Kebanyakan kajian sinematografi dikaji adalah dari filem Ibu Mertuaku, Semerah Padi, Antara Dua Darjat, Hang Jebat dan Dang Anom hasil penulisan Hamsah Mohammad (2000) dan Anuar Nor Arai (2007). Kajian tersebut lebih membincangkan sudut pengarahan dan sinematografi P. Ramlee dan Hussien Haniff terhadap sinematografi filem hitam putihnya. Kajian yang bertajuk *Sumpah Orang Minyak* (1958) : Sinematografi Hitam Putih Dalam Konteks Genre arahan P. Ramlee adalah satu kajian mengenai penyampaian aspek sinematografi di dalam filem hitam putih. Justeru, kajian ini akan membincangkan mengenai aspek sinematografi iaitu komposisi, pencahayaan dan film stock.